



Kementerian Wilayah Persekutuan

DRAF UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI ADNAN
BIN HJ MD IKSHAN**

Ketua Setiausaha

**MAJLIS PERHIMPUNAN
BULANAN KWP BAGI BULAN
JANUARI 2016**

**JUMAAT, 15 JANUARI 2016
DEWAN SERBAGUNA KWP**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

**Yang Berbahagia Datuk Hajah Nor'
Aini binti Abd Wahab**

Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan & Sosio-Ekonomi);

**Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohd Sani
bin Mistam**

Timbalan Ketua Setiausaha
(Perancangan & Pembangunan);

Setiausaha-Setiausaha Bahagian;

Pegawai-Pegawai Kanan;

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Hadirin yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam 1Malaysia dan
Salam 1Wilayah.**

UCAPAN ALUAN

1. Pertamanya bersamalah kita memanjangkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberi kita kesempatan untuk berkumpul bagi mengadakan Perhimpunan Bulanan kali pertama untuk tahun 2016 ini untuk memperbaharui semangat kita sebagai warga Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2016 kepada semua warga Kementerian Wilayah Persekutuan.

2. Tahun 2015 telah pun melabuhkan tirainya, meninggalkan kita dengan melakarkan pelbagai peristiwa dan sejarah, sama ada yang manis ataupun pahit. Saya percaya setiap dari kita dengan segala upaya telah berusaha dengan sehabis baik. Mengharungi cabaran sepanjang tahun 2015 yang lalu diharap akan dapat menjadi pemangkin untuk kita terus

berusaha dengan lebih gigih lagi pada tahun 2016 ini.

3. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Tahniah dan Selamat Datang kepada semua warga kerja baru KWP. Semoga kehadiran tuan-tuan dan puan-puan akan dapat membantu di dalam perancangan dan pelaksanaan dalam mencapai matlamat kerajaan. Ucapan tahniah kepada yang telah bertukar keluar atas sebab kenaikan pangkat, semoga dapat menimba pengalaman di tempat yang baru. Segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan selama ini, KWP mengucapkan ribuan terima kasih dan mendoakan kepada tuan-tuan dan puan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

KEJAYAAN KWP PADA 2015

4. Alhamdulillah, pada tahun 2015, kita telah berjaya mencipta pelbagai kejayaan yang boleh dijadikan sebagai penanda aras (*benchmark*) ke arah pencapaian yang lebih cemerlang pada tahun 2016 ini.

Antara pencapaian yang diraih pada tahun 2015 adalah:

Inovasi :

a) Kumpulan KIK Hybrid (KWP) – PUTRA HORTUS gabungan Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah bertanding di *International Convention on QC Circles (ICQCC)* 2015 di Gyeongnam, Korea pada 5-8 Oktober 2015 dan berjaya merangkul Bronze Award;

b) Audit Pematuhan Pertama bagi Pengekalan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 (2015) telah dilaksanakan

pada 21-22 Disember 2015 dan tiada ketakakuran (NCR) dilaporkan;

c) Penganjuran KIK Wilayah Persekutuan pada 8 dan 9 September 2015 di Dewan Serbaguna, KWP dan disertai seramai 17 Kumpulan KIK bagi Kategori Pengurusan dan 5 Kumpulan KIK bagi Kategori Teknikal;

d) Penyertaan 4 pasukan daripada KWP dan Agensi-agensinya dihantar bertanding ke Majlis Persada Inovasi Peringkat Kebangsaan anjuran pihak INTAN di Sultan Ahmad Shah Convention Centre (SACC), Kuantan, Pahang pada 24-26 Disember 2015 iaitu:

i) Mewakili Kapasiti Wilayah Persekutuan.

- Kumpulan STRIKERS 1.0 dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kategori Pengurusan)
- Kumpulan SIHAT XVI dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Kategori Teknikal)

- ii) Mewakili Kementerian Wilayah Persekutuan.
 - Kumpulan SPARTA II dari Bahagian Khidmat Pengurusan, KWP (Kategori Pengurusan);
 - Kumpulan SOLVE 2 dari Perbadanan Putrajaya (Kategori Teknikal)

- e) Sambutan Hari Inovasi KWP Bersama Agensi-agensi telah diadakan dan dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan pada 12 November 2015 di Dewan Serbaguna, KWP.

Kewangan :

a) Indeks Akauntabiliti (AI) – 4 Bintang Tahun 2014

b) Pembayaran dalam tempoh 7 hari

OPS BAH :- Anugerah Majlis Belia (Agensi Paling Berjaya)

Pembangunan :

- a) Anugerah Ikon Pengurusan Projek Tahun 2014 daripada ICU, JPM. (*Best Promising Ministry*)
- b) Pencapaian Paling Konsisten
- c) Anugerah SPP II Champion
- d) Anugerah Penilaian Outcome Terbaik

Pengurusan Maklumat :

- a) Portal KWP dan Agensi Bertaraf Lima Bintang
- b) Pensijilan Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS).

Sosio-Ekonomi:

- a) Berdasarkan kepada 13 projek/aktiviti yang dirangka, sebanyak tiga (3) daripadanya telah disenaraikan sebagai KPI YB Menteri dan KSU Kementerian ini. Sehingga Disember 2015, **pencapaian KPI bagi program ini adalah sebanyak 100%.**

b) Simposium Usahawan Internet atau eENTERWIP 2015 yang telah berjaya menarik lebih 2,200 orang peserta. Program ini akan diadakan lagi pada tahun 2016 di Putrajaya pada 4 & 5 Jun 2016.

5. Saya berharap semua tuan puan yang ada di hadapan saya pada hari ini dapat bersama-sama meneruskan kecemerlangan ini dan terus melonjak naik status Kementerian ke peringkat yang lebih baik melalui tadbir urus yang baik di KWP ini.

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

6. Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Tahun 2015 telah diadakan sebanyak 4 kali iaitu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sejumlah 75 isu, cadangan dan pandangan telah

dikemukakan oleh Wakil-wakil Pekerja KWP sepanjang Tahun 2015. Hampir keseluruhan isu (melebihi 50%; indicator KPI yang ditetapkan) dapat diselesaikan pada tahun 2015. Antara isu penyelesaian yang telah dilaksanakan oleh Pihak Pengurusan adalah seperti berikut:

- a) Penambahbaikan terhadap pemilihan pengusaha Kafeteria;
- b) Penambahbaikan terhadap kuota dan tatacara Pemilihan Pekerja Contoh Bulanan (PCB);
- c) Penyediaan Ruangan Kesihatan di Unit Pengurusan Psikologi;
- d) Penambahbaikan Kemudahan Sukan *Indoor*;
- e) Pelaksanaan Kursus Team Building kepada Kumpulan Pelaksana;
- f) Cadangan penyediaan Kursus Pemanduan Berhemah kepada Pemandu;

- g) Penghargaan Tidak Mengambil Cuti Sakit dan Pegawai yang Aktif dalam Sumbangan Luar; dan
- h) Penambahbaikan terhadap kemudahan di surau, bilik-bilik mesyuarat dan ruangan bekerja.

7. Diharapkan sumbangan pendapat dan pandangan wakil-wakil MBJ pada Tahun 2016 akan dapat menghasilkan hubungan yang positif antara pihak pengurusan dan pihak pekerja, memberikan kepuasan hati kepada pihak pekerja, menjaga kebajikan pekerja dan meningkatkan produktiviti selaras dengan perlembagaan penubuhan MBJ, KWP sendiri.

LAPORAN UNIT PRESTASI UTAMA KWP BAGI TAHUN 2015

8. Kerajaan telah menyarankan budaya kerja berasaskan prestasi dengan menggunakan petunjuk prestasi

utama (KPI) yang diterapkan dalam perkhidmatan kepada rakyat bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

9. Sejalan dengan visi, misi dan objektif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi-agensi di bawah Kementerian, setiap bahagian / jabatan perlu mengukur prestasi perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat bagi memastikan semua perkhidmatan disampaikan dengan sempurna. Ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran mengenai prestasi Kementerian ini secara keseluruhannya.

10. Ingin saya berkongsi di sini bahawa rekod pencapaian Scorecard KPI kita dari Januari hingga **November 2015**, pencapaian **KPI *National Key Economic Areas* (NKEA)** Kementerian Wilayah Persekutuan

adalah sebanyak skor: 48/50 atau 96% manakala bagi ***Ministerial Key Result Areas (MKRA)*** pula, kita **mencapai skor 32/30 atau 107%**. Ini membolehkan Kementerian memperoleh **skor teknikal sebanyak 97% sehingga November tahun 2015.**

11. Melangkah ke tahun baru, Kementerian ini telah mengenalpasti petunjuk prestasi Utama (KPI) di bawah NKEA dan MKRA untuk dijadikan sebagai KPI YB Menteri Wilayah Persekutuan bagi tahun 2016. **Beberapa KPI baru telah dikenalpasti sejajar dengan dokumen strategik Kementerian seperti Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan 2016-2020 dan *Outcome Based Budgeting (OBB)*.**

Oleh yang demikian, marilah kita bersikap membina dan bersiap sedia memberi perhatian kepada usaha / program-program bagi mencapai KPI-KPI di atas dan membuat perancangan mulai sekarang.

PERBELANJAAN KWP BAGI TAHUN 2016

12. Mengenai perbelanjaan bagi Tahun 2016, adalah dimaklumkan bahawa Waran Am Bil 1 Tahun 2016 telah diluluskan mengikut Akta Prosedur Kewangan 1957 bagi Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM 215,224,000,000 juta. Manakala Waran Am Bil. Tahun 2016 bagi perbelanjaan Pembangunan telah diluluskan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 berjumlah RM52,000,000,000 juta. Ini adalah amaun Anggaran bagi seluruh negara bagi tahun 2016. Dengan Waran Am ini, Kementerian boleh melakukan

perbelanjaan masing-masing seperti anggaran yang telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016 mengikut Vot Kementerian masing-masing. Di mana peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan ialah berjumlah RM 358,335,000 juta bagi Mengurus dan RM 958,001,500 juta bagi Pembangunan.

LAPORAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBANGUNAN KWP SEPANJANG TAHUN 2015

13. Jika saya boleh senaraikan pencapaian terbaik KWP sepanjang tahun 2015, antaranya adalah prestasi cemerlang KWP dalam pelaksanaan projek. Ini terbukti daripada laporan prestasi perbelanjaan yang dikeluarkan oleh ICU JPM sebanyak 2 kali sebulan, yang mana KWP berjaya menduduki tempat pertama sebanyak lima kali

berturut-turut iaitu pada bulan Mei sehingga September 2015. Sehingga 20 Disember 2015, prestasi perbelanjaan yang dilaporkan adalah sebanyak 99.96% atau RM 829.7 juta berbanding peruntukan sebanyak RM 830 juta dan KWP merupakan antara 3 kementerian terbaik di kalangan 25 buah kementerian. Dari segi prestasi pencapaian pengemaskinian SPPII, KWP sentiasa berada di kalangan 5 kementerian terbaik mencapai 100% pengemaskinian bagi tahun 2015.

14. Sesungguhnya, ia merupakan pencapaian yang amat dibanggakan. Saya berharap komitmen dan momentum kejayaan ini akan diteruskan lagi pada tahun 2016. Lebih-lebih lagi kita kini berada dalam Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK-11) iaitu fasa terakhir sebelum Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Saya akui ia bukanlah suatu tugas yang

mudah namun saya percaya berdasarkan rekod cemerlang kita, Insyallah kesemua 24 projek pembangunan RMK-11 di bawah KWP boleh dilaksanakan dengan jayanya.

LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK RUMAWIP SEPANJANG TAHUN 2015

15. Melihat kepada pencapaian sasaran RUMAWIP sepanjang tahun 2015, Kementerian telah meletakkan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sebanyak 17,021 unit dan sehingga bulan Disember 2015 kita telah berjaya mencapai sasaran tersebut iaitu sebanyak 17,135 unit rumah mampu milik atau 100.7%. Pencapaian secara keseluruhan pula iaitu dari tahun 2013 hingga 2015 mencatatkan sebanyak 35,201 unit atau 44% daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit **telah dicapai** merangkumi kategori “**telah siap dibina**”, “**dalam pembinaan**” dan

“kelulusan Perintah Pembangunan (DO)” di seluruh Wilayah Persekutuan.

16. Tahun 2015 telah menyaksikan banyak projek RUMAWIP dan PPA1M yang telah dilancarkan di Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur. Sebanyak 8 projek telah dilancarkan di Kuala Lumpur sepanjang tahun lalu melibatkan jumlah unit keseluruhan sebanyak 6,871 unit iaitu:

- a. Projek PPA1M Bukit Jalil
- b. Projek RUMAWIP Residensi Skyawani
- c. Projek RUMAWIP Residensi Hijauan Bukit Jalil
- d. Projek RUMAWIP Suasana Lumayan
- e. Projek RUMAWIP Residensi Razakmas
- f. Projek RUMAWIP Residensi Kepongmas
- g. Projek RUMAWIP Residensi Puchongmas

h. Projek RUMAWIP
Enesta@Kepong

17. YB Menteri Wilayah Persekutuan juga melihat serius insiatif RUMAWIP ini dan telah menggerakkan lawatan tapak pada 6 Disember 2015 ke beberapa projek RUMAWIP yang telah dilancarkan di Kuala Lumpur. Lawatan ini bertujuan melihat sendiri kemajuan pelaksanaan di tapak projek bagi memastikan kesemua projek ini telah memasuki fasa pembinaan. Melihat kepada kerancangan aktiviti di bawah inisiatif RUMAWIP pada tahun 2015 lalu, saya menjangkakan Program RUMAWIP ini akan bergerak lebih agresif dalam melancarkan lebih banyak projek RUMAWIP selain mempromosi usaha Kementerian ini kepada pengetahuan rakyat. Usaha-usaha penambahbaikan ke atas inisiatif RUMAWIP bagi membantu memudahkan rakyat memiliki RUMAWIP dari aspek syarat kelayakan

dan kemudahan pembiayaan juga sedang diteliti.

SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016

18. Bagi memeriahkan Sambutan Hari Wilayah 2016, beberapa program/aktiviti telah dirancang dalam tempoh 2 bulan ini iaitu pada bulan Januari dan Februari.

19. Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah **“Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera.”**. Menjadi aspirasi KWP ingin menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep *sense of belonging* yang ingin diterapkan kepada warga Wilayah Persekutuan.

20. Kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan dalam segala aspek menjadi keutamaan untuk memastikan semangat perpaduan yang teguh di kalangan rakyat khususnya di kalangan warga Wilayah Persekutuan. Seterusnya akan dapat mewujudkan semangat "Kekitaan", "Kebersamaan", dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan yang dicintai ini.

21. Diharapkan semua warga KWP dapat bersama-sama dalam melaksanakan program-program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 kali ini. Semoga Wilayah Persekutuan akan sentiasa ceria dan harmoni.

22. Dengan tema ini, adalah diharapkan semangat patriotik dan rasa sayang penduduk kepada Wilayah Persekutuan di kalangan warga Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan dapat dipupuk dan disemai.

23. Pada tahun ini, program dan aktiviti sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bersama rakyat akan dimulakan dengan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan & KL Car Free Morning pada 17 Januari 2016 di Dataran DBKL. Ini diikuti Kempen Kibar Bendera Peringkat WP Labuan dan WP Putrajaya, masing-masing pada tarikh yang sama. Manakala Khutbah Jumaat Khas sempena SHWP 2016 pada 29 Januari 2016 akan diadakan disemua Masjid & Surau di WP Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan.

24. Sementara itu, **Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan** pada tahun ini akan diadakan sebanyak 2 sesi. **Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** telah berkenan untuk berangkat

dan menyempurnakan **Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan** pada **1 dan 3 Februari 2016** bertempat di **Balairong Seri Istana Negara, Jalan Duta, Kuala Lumpur**. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat pada tahun ini khususnya kepada warga KWP yang telah dicalonkan dan akan dianugerahkan pada tahun ini. Saya berharap pada tahun akan datang ramai lagi warga KWP yang akan dianugerahkan dan inilah sebagai salah satu pengiktirafan kepada tuan-tuan dan puan-puan atas kerja keras dan komitmen yang ditunjukkan kepada kementerian dan Wilayah Persekutuan.

25. Selain itu, beberapa siri program telah diatur sepanjang SHWP 2016 yang terdiri daripada Program Baru

yang diperkenalkan dan Program lama yang masih diteruskan di samping Program Khas Bersama YAB Perdana Menteri. Antara program tersebut adalah seperti berikut :

Program Baru :

- a) Kempen Jom Bayar Saman
- b) Malam Wilayah Persekutuan Berselawat
- c) Treasure Hunt
- d) Majlis Khatam Al-Quran
- e) Pertandingan Melukis & Mewarna WP
- f) Program Keluarga Angkat YKB & NGO Bersama Isteri Menteri Wilayah Persekutuan
- g) Festival Makanan Antarabangsa

Program Lama Yang Diteruskan:

- a) Kempen Kibar Bendera
- b) Khutbah Jumaat Khas

- c) Majlis Rumah Terbuka Chinese New Year Peringkat Wilayah Persekutuan
- d) Kenduri 1Wilayah Persekutuan Di Semua 13 Parlimen Seluruh WP
- e) Program Ilmiah Bersama Ustaz Datuk Kazim Elias
- f) Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan

Program Khas Bersama YAB Perdana Menteri:

- a) Perasmian UTC Labuan
- b) Malam Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016
- c) Perasmian Kompleks Komuniti PPR Muhibbah
- d) Perasmian Rumah Transit Gelandangan Jalan Pahang KL

26. Semua program ini diatur bagi menggalakkan komitmen dan penyertaan sepenuhnya rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan untuk

sama-sama merasai kemeriahan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Ia bagi menggalakkan serta memupuk semangat perpaduan yang jitu di kalangan warga Wilayah Persekutuan seterusnya mewujudkan semangat “Kekitaan”, “Kebersamaan”, dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan yang kita cintai ini.

27. Dengan itu, saya ingin menyeru seluruh warga KWP supaya memberikan komitmen sepenuhnya dalam membantu dan bersama-sama menjayakan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 ini.

PERINGATAN TENTANG PEMATUHAN KEPADA PERATURAN YANG BERKUATKUASA

28. Sebagai peringatan bersama dengan seluruh warga KWP tidak kira yang lama ataupun yang baru, untuk menjulang nama Perkhidmatan Awam

ke status yang tinggi, kita sebagai Penjawat Awam hendaklah sentiasa komited dan berdedikasi. Ini dapat dikekalkan dengan kepekaan dan pematuhan arahan-arahan terkini yang berkuatkuasa.

29. Melalui Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan Bil.10/2015 bertarikh 2 Disember 2015, semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam adalah diingatkan agar tidak berkeliaran di luar pejabat semasa waktu bekerja sama ada makan/minum di kantin atau warung dan sebagainya.

30. Semua Ketua Bahagian / Penyelia hendaklah memastikan kakitangan tidak menghabiskan masa berada di luar pejabat semasa waktu bekerja. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap pegawai dan kakitangan yang didapati melanggar peraturan waktu pejabat.

HARAPAN

Negara kita pada ketika ini sedang berhadapan dengan keadaan yang cukup mencabar dan soal ekonomi merupakan soal utama yang berlegar dalam minda rakyat. Harapan saya untuk tahun 2016 ini adalah komitmen dan kerjasama semua bagi menyahut saranan YAB Perdana Menteri untuk melaksanakan perbelanjaan berhemah.

Pelaksanaan dua perkara iaitu pertama kita mesti mengoptimalkan perbelanjaan yang mana ia bukanlah bermaksud sebagai satu langkah austerity dengan memotong atau mengurangkan perbelanjaan tetapi bagaimana setiap ringgit yang ingin kita belanjakan boleh mendatangkan hasil atau pun kesan paling besar. Kedua ialah bagaimana kita boleh menggunakan daya fikiran kita supaya lebih kreatif dan inovatif bagi meningkatkan lagi produktiviti.

PENUTUP

31. Sebelum mengundur diri, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua warga KWP yang telah menjayakan segala peranan, tanggungjawab, program mahupun aktiviti sepanjang tahun 2015.

32. Saya amat berharap ia dapat dikekalkan, diperbaiki dan ditambah nilai supaya pencapaian pada tahun 2016 akan lebih cemerlang dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat, bangsa dan negara.

33. Sepertimana yang diungkapkan oleh YAB Perdana Menteri sempena Ucapan Tahun Baru 2016 iaitu "*Hanya apabila kerajaan dan institusinya bersatu serta kukuh, dan bergerak ke arah sama, barulah kita dapat memberi khidmat dengan berkesan kepada rakyat*".

34. Justeru, marilah kita bersatu hati dan berganding bahu dengan satu niat yang suci iaitu untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan akhirnya mensyukuri kurniaan Tuhan kerana diizinkan Tuhan untuk mencari rezeki di tempat yang diredhai lagi diberkati.

35. Inilah Kementerian Wilayah Persekutuan. Tempat kita mencari rezeki dan menabur bakti.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**YBHG. DATUK SERI ADNAN BIN HJ MD IKSHAN
Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
15 Januari 2016**